



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI  
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI  
KELANTAN TAHUN 2019**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
TAHUN 2019 SIRI 1**

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri negeri itu untuk diperkenankan supaya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
  
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan

Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2019 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **5 November 2020** manakala LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada **10 Disember 2020**. Kedua-dua LKAN tersebut dibentang setelah diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN tersebut telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 24 Ogos 2021.

3. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2019 antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Kewangan ini diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran.

### **3.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan penyata kewangan Kerajaan negeri, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.

- b. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 bagi Negeri Kelantan telah meningkat sejumlah RM435.19 juta atau 602.8% menjadi RM507.38 juta pada tahun 2019 berbanding RM72.19 juta pada tahun 2018.
- c. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM445.69 juta. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM438.25 juta atau 74.7% menjadi RM1.025 bilion berbanding RM586.94 juta pada tahun 2018. Peningkatan kutipan hasil disumbang oleh Pemberian Khas YAB Perdana Menteri Tahun 2019 sejumlah RM400 juta secara *one-off*.
- d. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2019 adalah baik iaitu sejumlah RM137.40 juta atau 44.6% telah dibelanjakan berbanding RM307.86 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,703 jumlah projek yang dirancang, sebanyak 1,683 projek atau 98.8% telah disiapkan sepenuhnya, lapan projek atau 0.5% sedang dilaksanakan dan 12 projek atau 0.7% masih belum dimulakan.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM632.54 juta atau 58.9% daripada RM1.075 bilion pada tahun 2018 kepada RM442.02 juta pada tahun 2019. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM163.09 juta atau 44% daripada RM370.66 juta pada tahun 2018 kepada RM207.57 juta pada tahun 2019.

f. Jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM620.15 juta atau 43.2% menjadi RM815.14 juta berbanding RM1.435 bilion pada tahun 2018. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri menurun sejumlah RM160.06 juta atau 32.6% menjadi RM330.76 juta berbanding RM490.82 juta pada tahun 2018.

### **3.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- a. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- b. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kesan daripada pandemik COVID-19, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan telah menetapkan tarikh akhir bagi mengemukakan penyata kewangan bagi kesemua 22 agensi negeri adalah pada 30 Jun 2020 berbanding 30 April 2020 sebelum ini. Setakat 8 September 2020, kesemua sembilan BBN, satu MAI dan 12 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31

Disember 2019 untuk diaudit. Pada tarikh laporan disediakan, kesemua penyata kewangan agensi negeri sedang diaudit dan belum dapat disahkan/dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara.

### **3.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri**

- a. Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agenzi negeri. Pengauditan ini selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agenzi negeri.
- b. Pengauditan pematuhan jabatan/agenzi negeri dilaksanakan terhadap dua bidang utama Audit seperti berikut:
  - i. pengauditan hasil di dua jabatan negeri iaitu Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu (PTJKB) dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK); dan
  - ii. pengauditan perolehan di dua agensi negeri iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).
4. LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2019 Siri 1 meliputi satu pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lainnya mengandungi perkara seperti berikut:

#### **4.1. PMBK Development Sdn. Bhd. di bawah Perbadanan Menteri Besar Kelantan**

- a. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PMBK Development Sdn. Bhd. (PMBKD) adalah baik. Hanya tiga daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Pelan Strategik dan Setiausaha Syarikat.
- b. Pengurusan aktiviti dari segi pencapaian output dan *outcome* adalah cekap kerana pendapatan syarikat mencapai sehingga lebih 90% berbanding sasaran yang ditetapkan dan sebanyak 97.4% projek yang dilaksanakan sendiri telah siap dibina. Bagaimanapun pencapaian *outcome* bagi projek pembangunan yang dilaksanakan secara usaha sama adalah rendah dengan hanya 26.5% daripada keseluruhan projek berjaya disiapkan. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti PMBKD dari segi kemajuan projek dan tindakan terhadap ketidakpatuhan perjanjian oleh pelabur.
- c. Kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh berdasarkan trend keuntungan berterusan yang diperoleh bagi tahun 2016 hingga 2018 dan peningkatan dalam aliran tunai. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa syarikat pada kadar 2.25:1 menunjukkan bahawa syarikat mampu untuk membayar balik liabiliti semasa. Baki tunai dan kesetaraan tunai PMBKD pada akhir tahun 2018 berjumlah RM1.56 juta. Bagaimanapun, dalam masa yang sama syarikat turut mengalami trend penurunan pendapatan dan penurunan keuntungan sebelum cukai. Keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun 2016

berjumlah RM2 juta menurun kepada RM1.61 juta pada tahun 2017 dan terus menurun kepada RM0.92 juta pada tahun 2018.

5. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 15 syor Audit dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2019; dan lima syor Audit dalam LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2019 Siri 1.
6. Kedua-dua Laporan ini akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 24 Ogos 2021. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 24 Ogos 2021 selepas jam 12.00 tengah hari. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

24 Ogos 2021

15 Muharram 1443H